



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**PELARASAN FAEDAH BERKALA ATAU PENCEN DI BAWAH  
SKIM BENCANA PEKERJAAN DAN SKIM KEILATAN  
AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)**

---

**Kuala Lumpur, 8 November** – Selaras dengan Laporan Kajian Penilaian Aktuari ke-10, setelah mempertimbangkan keprihatinan terhadap rakyat maka kerajaan melalui agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia iaitu PERKESO meluluskan pelarasan faedah berkala atau pencen di bawah skim bencana pekerjaan dan skim keilatan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) berkuatkuasa pada 1 September 2017.

Seramai 328,056 orang penerima faedah berkala akan menerima pelarasan faedah ini. Tunggakan pelarasan akan dibayar mulai 26 Disember 2017 dan PERKESO telah memperuntukkan sebanyak RM72.62 juta bagi maksud bayaran tersebut.

Ia melibatkan bayaran bagi penerima Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Ilat dan Pencen Penakat.

Peratus kenaikan pencen adalah antara 1.2% hingga 10.4% yang melibatkan pencen pada atau sebelum tahun 2014 dengan pecahan kadar seperti berikut:

<b>Tempoh Pencen Diberi</b>	<b>Kadar Pelarasan (%)</b>
Pencen yang diberi sebelum tahun 2011	10.4
Pencen yang diberi dalam tahun 2011	8.3
Pencen yang diberi dalam tahun 2012	6.6
Pencen yang diberi dalam tahun 2013	4.4
Pencen yang diberi dalam tahun 2014	1.2

Pelarasan ini dibuat seiring dengan peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat bagi meringankan bebanan perbelanjaan yang kian meningkat setiap hari khususnya penerima faedah dan tanggungnya.

Pelarasan faedah berkala yang terakhir telah dibuat pada tahun 2012, melibatkan penerima faedah sehingga tahun 2010. Kadar pelarasan adalah di antara 1.3% hingga 3.7%.

Diharapkan pelarasan ini akan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian kepada rakyat di samping memenuhi keperluan sosio ekonomi mereka.

###

**Dato' Sri (Dr.) Richard Riot Anak Jaem**  
**Kementerian Sumber Manusia**  
**8 November 2017**